

Abstrak

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih. Tulisan ringkas ini memfokuskan kepada manhaj atau metod wasotiyyah dalam merealisasikan matlamat menjadi umat yang terbaik.

Disertakan dalam tulisan ini 10 perkara penting yang menjadi asas utama dalam kita bermahaj, semoga dengannya dapat memandu kita menjadi umat terbaik yang bakal melahirkan generasi terbilang. Perkara-perkara itu diringkaskan seperti berikut:

- 1- Berpegang dengan al-Quran & al-Sunnah.
- 2- Memahami teks-teks wahyu (al-Quran dan Sunnah) berpandukan kepada pemahaman sahabat dan Tabiin.
- 3- Berpegang kepada ijmak ulama.
- 4- Amar makruf nahi munkar.
- 5- Meraikan khilaf fekah dan ulama mujtahidin.
- 6- Tidak bermudah-mudah dalam bab takfir, tafsiq dan Tabdik.
- 7- Berlapang dada dan memudahkan.
- 8- Tawazun @ tidak ghuluw dan tidak tafrit.
- 9- kemantapan ilmu dan amal.
- 10- Taawun (kerjasama) dalam melaksanakan kebaikan.

Dalam menyatakan dalil daripada al-Quran atau as- sunnah, penulis akan menyertakan rujukan dan sandarannya, tetapi tidak terikat dalam memastikan wujudnya elemen penilaian terhadap sesuatu hadis. Wallahu A3lam.

المنهج الوسطي في تحقيق خيرية الأمة

MUQADDIMAH

الحمد لله نعمده، ونستعينه، ونستغفره، ونتوب إليه، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا، ومن سيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضل له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، وبعد:

فإن الله تعالى ميز هذه الأمة (أمة الإسلام) بالوسطية بين الأمم فقال سبحانه ﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا﴾ [البقرة: 143] والوسطية هنا تعني: العدل والخيار وسائر أنواع الفضل، فهي أفضل الأمم.

Allah telah menyebutkan kelebihan umat Muhamad dalam surah al-Imran yang mana ianya menjelaskan maksud Wasotiyah.

((كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ)) [آل عمران: 110]

"Kamu (umat Muhamad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, menyuruh melakukan segala kebaikan dan mencegah segala kemungkar serta beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya".

Metod atau manhaj wasotiyah (adil, sederhana, terbaik) dalam merealisasikan kecemerlangan umat islam ini merupakan salah satu topik yang penting kerana ianya akan memandu seseorang itu dalam beragama. Kesan tidak memahami metod ini akan menyebabkan seseorang itu menjadi pelampau atau menjadi terlalu tidak peduli dengan agama atau liberal, bahkan boleh membawa kepada zindik.

Dalam tulisan dan masa serba ringkas ini, ingin saya simpulkan 11 point penting yang sewajarnya diberi perhatian dalam kita bermanhaj, semoga ianya akan mengeratkan tautan ukhuwwah dikalangan pendakwah dan para ulama, menghindarkan permusuhan dan kebencian sesama muslim, dan memaju dan memperkasakan umat kepada keredhoan Allah Taala.

Manhaj Wasotiyah:-

Dalam kita ingin merealisasikan harapan umat supaya bebas daripada penindasan kelompok-kelompok zalim, ingin mengembalikan kegemilangan islam yang telah menjadi sejarah, melahirkan para ulama, pendakwah dan pemimpin yang hebat dan melaksanakan gagasan islam yang syumul, hendaklah kita memahami beberapa perkara utama yang saya simpulkan ini kerana umat islam akan menjadi mulia dan hebat apabila mereka kembali kepada ajaran islam yang sebenar. Berikut adalah beberapa manhaj wasotiyah yang perlu difahami dan diamalkan.

Pertama: Berpegang dengan al-Quran & al-Sunnah.

Al-Quran dan Sunnah merupakan teras wajib dalam merealisasikan kecemerlangan dunia dan akhirat umat islam ini. Kedua-duanya merupakan sumber hukum, asas rujukan, dan menjadi kata putus dalam berkhilaf. Allah berfirman:

((فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا))-النساء الآية رقم (59).

Bermaksud: "Maka jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, hendaklah kamu kembalikannya kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (al-hadis), jika kamu benar2 beriman kepada Allah dan hari kiamat. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu dan baik pula kesudahannya".

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ شَيْئَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي، وَلَنْ يَتَفَرَّقَا حَتَّى يَرْدَا عَلَيَّ الْحَوْضَ "1.

"Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu 2 perkara, kalian tidak akan sesat selepas berpegang dengan kedua2nya, kitab Allah dan sunnahku, kedua-duanya tidak akan berpisah sehinggalah datang kepadaku di telaga".

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ قَالَ: إِذَا حَدَّثَتَ الرَّجُلَ بِالسُّنَّةِ فَقَالَ: دَعْنَا مِنْ هَذَا وَهَاتِ كِتَابَ اللَّهِ. فَأَعْلَمُ أَنَّهُ ضَالٌّ2.

Daripada Abi Qilabah beliau berkata: "jika seorang lelaki menceritakan sesuatu sunnah, kemudian ada lelaki lain menjawab: kita tinggalkan sunnah itu dan datangkan Kitab Allah, ketahuilah bahawa dia adalah seorang yang sesat".

Kedua: Memahami teks-teks wahyu (al-Quran dan Sunnah) berpandukan kepada pemahaman sahabat dan Tabiin.

Menjadi kewajipan kita merujuk pandangan para sahabat baginda kerana ayat-ayat al-Quran turun ketika mereka hidup, sebab-sebab penurunan ayat saling berkait dengan kehidupan mereka yang bakal menjadi pedoman dan ikutan generasi yang datang selepas mereka. Nabi menjelaskan kemuliaan dan kelebihan generasi sahabat ini dalam banyak hadis soheh, diantaranya seperti berikut:-

- عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال ((لا تسبوا أصحابي، فوالذي نفسي بيده لو أن أحدكم أنفق مثل أحد ذهباً ما أدرك مد أحدهم ولا نصيفه))³.
- عن ابن عمر رضي الله عنهما أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ((لعن الله من سب أصحابي))⁴.
- عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (خَيْرُ النَّاسِ قُرْبِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ يَجِيءُ أَقْوَامٌ تَسْبِقُ شَهَادَةَ أَحَدِهِمْ يَمِينُهُ، وَيَمِينُهُ شَهَادَتُهُ))⁵. قَالَ إِبْرَاهِيمُ: "وَكَاثُوا يَضْرِبُونَنَا عَلَى الشَّهَادَةِ، وَالْعَهْدِ. "قال النووي رحمه الله: "الصَّحِيحُ أَنَّ قَرْنَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الصَّحَابَةُ، وَالثَّانِي : التَّابِعُونَ، وَالثَّلَاثُ : تَابِعُوهُمْ" انتهى من " شرح النووي على مسلم (16/85) "

1 المستدرک علی الصحیحین للحاکم، 1/172، وقد صحح الحدیث الحاکم والألبانی رحمهم الله.

2 الطبقات الكبرى لابن سعد البصري 7/137.

3 رواه البخاري 3673 ومسلم 2541.

4 رواه الطبراني وصححه الألباني في صحيح الجامع 5111.

5 روى البخاري (2652)، ومسلم (2533).

- عَنْ الْعِرْبَاضِ بْنِ سَارِيَةَ، قَالَ: وَعَظَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا بَعْدَ صَلَاةِ الْعَدَاةِ مَوْعِظَةً بَلِيغَةً دَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ وَوَجِلَتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ، فَقَالَ رَجُلٌ: إِنَّ هَذِهِ مَوْعِظَةٌ مُودَّعٌ فَمَاذَا تَعْهَدُ إِلَيْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ، وَإِنْ عَبْدٌ حَبَشِيٌّ، فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ يَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّهَا ضَلَالَةٌ فَمَنْ أَدْرَكَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَعَلَيْهِ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ⁶.

Justeru berpegang dengan pemahaman sahabat dan tabiin merupakan ciri-ciri manhaj wasotiyah, dan ianya bukanlah kekolotan, ghuluw, ekstrem dan lain-lain lagi gambaran negatif yang cuba dilemparkan oleh musuh-musuh islam. Supaya kita selamat dan gemilang maka hendaklah kita memahami teks-teks wahyu berpandukan kepada pemahaman sahabat dan tabiin yang ianya telahpun dinaqalkan oleh para imam dalam kitab-kitab mereka khususnya kitab sunan dan athar.

قال إبراهيم النخعي -من التابعين-: لو بلغني عن الصحابة أنهم لم يجاوزوا بالوضوء ظفراً ما جاوزته، وقال الشعبي -: ما حدثوك به عن أصحاب محمد صلى الله عليه وسلم فخذوه. وما حدثوك به عن رأيهم فانبذه في الحش. وقد حكى العلائي إجماع التابعين على الاحتجاج بقول الصحابي فقال: (إن التابعين أجمعوا على اتباع الصحابة فيما ورد عنهم، والأخذ بقولهم، والفتيا به، من غير تكبير من أحد. وكانوا من أهل الاجتهاد أيضاً)⁷.

Ketiga: berpegang kepada ijmak ulama.

Ijmak juga merupakan sumber syariat islam yang menjadi kelaziman untuk dipatuhi dan haram menyelesaikannya jika telah sabit ijmak dalam sesuatu masalah.

قال تعالى: ((وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا)) النساء/ 115

"Dan sesiapa yang menentang ajaran rasul sesudah jelas kepadanya kebenaran yang dibawa rasul, dan dia pula mengikut jalan selain daripada jalan orang yg beriman, kami akan palingkan dia kepada kesesatan yang dipilihnya dan kami masukkan ke neraka Jahannam, neraka itulah seburuk-buruk tempat kembali".

قال ابن حزم رحمه الله: "ومن خالفه - أي الإجماع - بعد علمه به، أو قيام الحجة عليه بذلك: فقد استحق الوعيد المذكور في الآية"⁸.

Berkata ibnu Hazm: "dan sesiapa yang menyalahi ijmak setelah dia mengetahuinya atau telah tertegak hujjah ke atasnya dengan yang demikian, maka dia berhak mendapat ancaman yang disebutkan dalam ayat yang disebutkan".

قال ابن تيمية رحمه الله: "وَكَذَلِكَ الْأُمَّةُ لَا تَشْهَدُ عَلَى اللَّهِ إِلَّا بِحَقِّ وَقَالَ تَعَالَى: ﴿وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنْابَ إِلَيَّ﴾ وَالْأُمَّةُ مُنِيبَةٌ إِلَى اللَّهِ فَيَجِبُ اتِّبَاعُ سَبِيلِهَا وَقَالَ تَعَالَى: ﴿وَالسَّابِقُونَ

⁶ رواه الترمذي (2676)، 4/341 وقال الترمذي هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ.

⁷ المعتصر من شرح مختصر الأصول من علم الأصول، ص/ 191.

⁸ مراتب الإجماع لابن حزم، ص. 7.

الأولون من المهاجرين والأنصار والذين أتبعوهم بإحسان رضي الله عنهم ورضوا عنه { فرضي عن أتبع السابقين إلى يوم القيامة }⁹.

Berkata Syaikhul Islam: "...dan demikian umat ini tidak menjadi saksi kepada Allah melainkan dengan kebenaran. Allah berfirman: (واتبع سبيل من أناب إليّ), "dan ikutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaku dengan tauhid dan amal soleh", Umat ini telah kembali kepada Allah maka wajiblah diikuti jalannya....".

Keempat: Amar makruf nahi munkar.

قال تعالى: ((لَعْنُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُودَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ (78) كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ))¹⁰.

"Allah melaknat orang yang kafir daripada keturunan bani israil melalui lisan Nabi Dawud dan nabi Isa bin Maryam, ini kerana mereka telah melakukan maksiat dan mereka melampaui batas. Mereka juga tidak saling mencegah daripada perbuatan munkar terhadap kerja-kerja mereka, maka amat buruklah apa yang mereka lakukan".

قال رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ»¹¹.

"Sesiapa dikalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia merubah dengan tangannya, jika tidak mampu hendaklah dengan lisannya, jika tidak mampu maka hendaklah dengan jantung hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman".

Perlu diketahui bahawa dalam kita melarang kemungkaran, terdapat disana syarat-syarat yang perlu dipatuhi ianya seperti berikut:

- 1- Hendaklah dipastikan bahawa ianya jelas sesuatu yang mungkar.
- 2- Hendaklah kemungkinan itu wujud dalam masa tersebut.
- 3- Hendaklah kemungkaran itu terzahir tanpa di intip-intip (tajassus).
- 4- Hendaklah mengingkari kemungkaran dalam perkara yang tiada khilaf padanya (iaitu khilaf yang harus @ khilaf yang diterima)¹².

Adapun dalam hal menegur pemimpin, maka hokum asalnya ialah dengan cara sembunyi-sembunyi tanpa menzahirkannya kepada orang awam, kerana ianya lebih mudah untuk diterima oleh pemimpin. Berpandukan kepada hadis nabi;

«مَنْ أَرَادَ أَنْ يَنْصَحَ لِذِي سُلْطَانٍ فَلَا يُبْدِهِ عَلَانِيَةً، وَلَكِنْ يَأْخُذُ بِيَدِهِ فَيَخْتَلُو بِهِ، فَإِنْ قَبِلَ مِنْهُ فِدَاكَ، وَإِلَّا كَانَ قَدْ أَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ»¹³.

⁹ انظر مجموع الفتاوى لابن تيمية 19/178.

¹⁰ المائدة 78.

¹¹ رواه مسلم (49) 1/69.

¹² انظر: قواعد مهمة في الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر، المؤلف: د. حمود بن أحمد الرحيلي.

"Sesiapa yang ingin menasihati orang yang memiliki kuasa maka janganlah dia menzahirkannya terang-terangan, akan tetapi hendaklah dia pengang tangannya dan bersendirian dengan pemimpin itu, jika dia menerima nasihat itu maka itulah yang sepatutnya, jika sebaliknya maka dia telah menunaikan kewajipan ke atasnya".

Akan tetapi terdapat khilaf ulama dalam mensahihkan hadis ini atau melemahkannya.

قِيلَ لِسُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ: أَلَا تَأْتِي السُّلْطَانَ فَنَأْمُرُهُ؟ قَالَ: «إِذَا انْبَثَقَ الْبَحْرُ فَمَنْ يُسْكَرُهُ؟»¹⁴.

Dikatakan kepada Sufian al-Thauri: "Kenapakah kamu tidak pergi kepada sultan dan suruh dia melakukan kebaikan?" lalu Sufian menjawab: "Jika bergelora lautan siapakah yang akan menenangkannya @ menutupnya?"

قال ابن رجب رحمه الله: وَكَانَ السَّلْفُ إِذَا أَرَادُوا نَصِيحَةَ أَحَدٍ، وَعَظَوْهُ سِرًّا حَتَّى قَالَ بَعْضُهُمْ: مَنْ وَعَظَ أَخَاهُ فِيمَا بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ، فَهِيَ نَصِيحَةٌ، وَمَنْ وَعَظَهُ عَلَى رُؤُوسِ النَّاسِ فَإِنَّمَا وَبَّخَهُ. وَقَالَ الْفُضَيْلُ: الْمُؤْمِنُ يَسْتُرُ وَيَنْصَحُ، وَالْفَاجِرُ يَهْتِكُ وَيُعِيرُ¹⁵.

Tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu harus menzahirkan teguran kepada pemimpin jika terdapat masalah besar padanya. Dan ia juga bergantung kepada karektor pemimpin yang mahu ditegur itu. Perlu dibezakan bahawa menegur ataupun mengkritik adalah berbeza dengan menjatuhkan atau menggulingkan pemerintah. Menjatuhkan pemerintah itu adalah haram. Dan perlu ditekankan juga bahawa tujuan mengkritik atau menegur itu mestilah bukan bermaksud menjatuhkan keperibadiannya atau maruahnyanya, tetapi lebih kepada pengislahan dan mahukan kebaikan kepada pemimpin, negara dan umat sejagat. Berpandukan kepada banyak dalil daripada sunnah antaranya¹⁶:-

عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ قَالَ: أَوَّلُ مَنْ بَدَأَ بِالْخُطْبَةِ يَوْمَ الْعِيدِ قَبْلَ الصَّلَاةِ مَرْوَانُ. فَقَامَ إِلَيْهِ رَجُلٌ، فَقَالَ: الصَّلَاةُ قَبْلَ الْخُطْبَةِ، فَقَالَ: قَدْ تَرَكْتُ مَا هُنَالِكَ، فَقَالَ أَبُو سَعِيدٍ: أَمَا هَذَا فَقَدْ قَضَى مَا عَلَيْهِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ»¹⁷.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ، قَالَ: خَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خُطْبَةً بَعْدَ الْعَصْرِ إِلَى مُغِيرَبَانَ الشَّمْسِ، حَفِظَهَا مِنَّا مَنْ حَفِظَهَا..... إِنَّ أَفْضَلَ الْجِهَادِ كَلِمَةٌ حَقٌّ عِنْدَ سُلْطَانِ جَائِرٍ¹⁸.

Antaranya kritikan umar al-Khattab kepada Abu Bakar dalam isu memerangi kelompok yang enggan membayar zakat. Bagaimana kamu mahu membunuh mereka sedangkan Nabi bersabda: "aku diperintahkan memerangi manusia sehinggalah mereka menyebut La Ilaha Illallah, sesiapa yang menyebutnya maka telah

¹³ السنة، لأبي بكر بن أبي عاصم، 2/521. المستدرک علی الصحیحین للحاکم، 3/329.

¹⁴ الأمر بالمعروف والنهي عن المنکر لخلال البغدادي، 1/20.

¹⁵ جامع العلوم والحکم فی شرح خمسين حديثاً من جوامع الكلم، لابن رجب الحنبلي، 1/225.

¹⁶ راجع: <http://www.dd-sunnah.net/forum/showthread.php?t=149169>

¹⁷ رواه مسلم، (49)، 1/69.

¹⁸ مسند أحمد (11143)، 17/227.

terpeliharalah hartanya, dirinya melainkan dengan haknya dan urusan hisabnya terserah kepada Allah¹⁹. Walaupun dikritik umar dan para sahabat lain tetapi akhirnya kebenaran berpihak kepada Abu Bakar. Membuktikan harus menegur pemimpin secara Jahar jika melibatkan sesuatu urusan yang besar dan terdapat masalah padanya.

Demikian krtikan-kritikan pedas Ubadah bin Somit terhadap Muawiyah bin Abi Sufian yang merupakan gabenor Syam pada zaman khalifah Usman bin Affan, sehingga Muawiyah menulis surat kepada khalifah menyatakan bahawa Ubadah telah merosakkan dirinya dan penduduk syam, samada engkau sembunyikan Ubadah bersamamu di Madinah atau aku akan pisahkan (keluarkan) Ubadah daripada bumi syam²⁰.

Kelima: Meraikan khilaf fekah dan ulama mujtahidin.

Maksud khilaf di sini ialah khilaf yang harus dan tidak tercela. Seperti kepelbagaian mazhab fekah yang wujud pada hari ini. Kerana khilaf-khilaf tersebut berladaskan kepada dalil dan ianya terbit daripada ijihad para ulama yang muktabar. Dengan kita meraikan perbezaan fekah ini akan menjauhkan diri kita daripada sebarang permusuhan, rasa taksud dan rasa cinta dan hormat kita terhadap para ulama dan imam-imam mujtahidin. Khilaf fekah ini telah berlaku sejak zaman sahabat lagi dalam banyak perkara, antaranya ijihad mereka samada solat di perkampungan bani nadhir mahupun solat asar dalam perjalanan? Khilaf popular yang berlaku antara Umar al-khattab dan amru ibn al-ash rahimahullah dalam bab tayammum kerana berjanabah²¹.

¹⁹ مسند أحمد (117)، 1/270.

²⁰ مسند أحمد (22769)، 37/429. قَالَ: عُبَادَةُ لِأَبِي هُرَيْرَةَ: يَا أَبَا هُرَيْرَةَ إِنَّكَ لَمْ تَكُنْ مَعَنَا إِذْ بَايَعْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّا بَايَعْنَاهُ عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ فِي النَّشَاطِ وَالْكَسَلِ، وَعَلَى التَّقَةِ فِي الْيُسْرِ وَالْعُسْرِ، وَعَلَى الْأَمْرِ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّهْيِ عَنِ الْمُنْكَرِ، وَعَلَى أَنْ نَقُولَ فِي اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَلَا نَخَافُ لَوْمَةَ لَائِمٍ فِيهِ، وَعَلَى أَنْ نَنْصُرَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَدِمَ عَلَيْنَا يَتْرَبُ فَنَمْنَعُهُ مِمَّا نَمْنَعُ مِنْهُ أَنْفُسَنَا وَأَزْوَاجَنَا وَأَبْنَاءَنَا، وَلَنَا الْجَنَّةَ فَهَذِهِ بَيْعَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّتِي بَايَعْنَا عَلَيْهَا فَمَنْ نَكَثَ، فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَى نَفْسِهِ، وَمَنْ أَوْفَى بِمَا بَايَعَ عَلَيْهِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفَى اللَّهُ بِمَا بَايَعَ عَلَيْهِ نَبِيَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَكَتَبَ مُعَاوِيَةَ إِلَى عُمَانَ بْنِ عَقَانَ أَنَّ عُبَادَةَ بْنَ الصَّامِتِ قَدْ أَفْسَدَ عَلَيَّ الشَّامَ وَأَهْلَهُ فِيمَا تُكْفَى (1) إِلَيْكَ عُبَادَةَ، وَإِنَّمَا أَخْلَى بَيْنَهُ وَبَيْنَ الشَّامِ، فَكَتَبَ إِلَيْهِ أَنْ رَحَلَ عُبَادَةَ حَتَّى تُرْجِعَهُ إِلَى دَارِهِ مِنَ الْمَدِينَةِ، فَبِعْتَ بِعُبَادَةَ حَتَّى قَدِمَ الْمَدِينَةَ فَدَخَلَ عَلَى عُمَانَ فِي الدَّارِ، وَلَيْسَ فِي الدَّارِ غَيْرُ رَجُلٍ مِنَ السَّابِقِينَ أَوْ مِنَ التَّابِعِينَ قَدْ أَدْرَكَ الْقَوْمَ، فَلَمْ يُفَجَأْ عُمَانُ إِلَّا وَهُوَ قَاعِدٌ فِي جَانِبِ الدَّارِ، فَالْتَفَتَ إِلَيْهِ فَقَالَ: يَا عُبَادَةَ بْنَ الصَّامِتِ مَا لَنَا وَلكَ، فَقَامَ عُبَادَةُ بَيْنَ ظَهْرِي النَّاسِ فَقَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبَا الْقَاسِمِ، مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: " إِنَّهُ سَيَلِّي أُمُورَكُمْ بَعْدِي رَجَالٌ يُعْرِفُونَكُمْ مَا تُكْرَهُونَ، وَيُنْكِرُونَ عَلَيْكُمْ مَا تَعْرِفُونَ، فَلَا طَاعَةَ لِمَنْ عَصَى اللَّهَ فَلَا تَعْتَلُوا بِرَبِّكُمْ".

²¹ روى الإمام البخاري في صحيحه عن عبد الرحمن بن أبيزى قال: جاء رجل إلى عمر بن الخطاب رضي الله عنه فقال: إني أجنب فلم أصب الماء، فقال عمار بن ياسر لعمر بن الخطاب رضي الله عنه: أما تذكر أنا كنا في سفر أنا وأنت، فأما أنت فلم تصل، وأما أنا فتمعتك فصليت. فذكرت للنبي صلى الله عليه وسلم، فقال النبي صلى الله عليه وسلم: "إنما كان يكفيك هكذا، فضرب النبي صلى الله عليه وسلم بكفيه الأرض ونفخ فيهما ثم مسح بهما وجهه وكفيه.

عَنْ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «إِذَا حَكَّمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ، وَإِذَا حَكَّمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ»²².

"Jika seorang hakim mengeluarkan hukuman justeru berijtihad kemudian benar, maka dia mendapat 2 pahala, jika seorang hakim berijtihad kemudian tersilap maka dia mendapat satu pahala".

Keenam: Tidak bermudah-mudah dalam bab Takfir, Tafsir dan Tabdik.

Manhaj ahli sunnah adalah pertengahan dalam menghukum, tidak terlalu mengambil mudah sepertimana kelompok Murjiah dan tidak juga terlalu keras seperti kelompok khawarij. Para ulama meletakkan syarat-syarat yang ketat dalam bab takfir. Ahli sunnah tidak menghukum kafir kepada pelaku dosa besar dikalangan orang islam, melainkan jika ianya merupakan kufur yang jelas. Begitupun tetap terikat dengan syarat-syarat apabila mahu menjatuhkan hukuman itu ke atas individu.

Terdapat syarat dalam meletakkan hokum, jika telah cukup syarat tersebut maka bolehlah dijatuhkan hukuman tersebut samada kafir @ fasiq. Hukuman itu juga bukanlah lahir daripada individu akan tetapi lahir daripada sekumpulan ulama. Syarat-syarat tersebut ialah:-

- 1- Tidak jahil.
- 2- Tidak dipaksa.
- 3- Tiada syubahat @ keraguan berkaitan hokum.
- 4- Dalam keadaan sedar, bukan diluar sedar atau dalam keadaan mabuk.

Menghukum kafir kepada seseorang adalah perkara yang sangat berat, kerana orang yang dihukum telah terkeluar daripada islam, boleh dijatuhkan hukuman bunuh, wajib dipisahkan antara suami isteri, tidak mewarisi harta pusaka dan tidak boleh mewariskan hartanya, tidak dikebumikan di perkuburan orang islam, tidak boleh dimakan sembelihannya dan lain-lain hukum hakam yang berkaitan dengan seorang yang kafir²³.

Ketujuh: berlapang dada dan memudahkan (السماحة والتيسير).

Tidak kaku (jumud) dan keras (syadid) dalam beragama. Bukanlh bermaksud menjadi bebas dan liberal, sehingga bermudah-mudah dalam beragama, sehingga mencari pendapat yang paling ringan dan mudah dalam sesuatu hokum. Tetap perpegang dengan nas-nas dan hujjah-hujjah yang kuat, tetapi dari sudut pengamalan dakwah, bermuamalah dan berkomunikasi terdapat keluasan dan tidak memberatkan, tidak menakut-nakutkan dan tidak menjauhkan manusia daripada jalan agama.

²² رواه البخاري (7352)، 9/108.

²³ راجع كتاب: "خطورة التسرع في التكفير والقيام بالتفجير وما ينشأ عنهما من سفك للدماء وتخريب للمنشآت" وكتاب ضوابط التكفير عند أهل السنة للمؤلف عبدالله بن محمد القرني.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ هَذَا الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا، وَأَبْشِرُوا، وَيَسِّرُوا، وَاسْتَعِينُوا بِالْعَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ، وَشَيْءٍ مِنَ الدَّلْجَةِ»²⁴.

"Sesungguhnya agama ini adalah mudah, tidaklah seseorang itu mengetatkannya melainkan dia akan tumpas, maka bijakkanlah dan dekatkanlah, berilah kegembiraan, dan permudahkanlah, mintalah pertolongan

-Tidak tatabbuk aurat al- muslimin

-Taqdim janib al-sitir (merahsiakan) ala al-Iqab (hukuman).

-Konsep taubat dan keluasan keampunan Allah.

-Konsep rukhsah dalam agama spt tayammum, Qasar, Jamak solat, tidak berpuasa ketika musafir, keharusan makan sembelihan ahlul kitab, berkahwin dgn ahlul kitab, tidak menghadkan mahar perkahwinan, diyat membunuh dan lain2 lagi yang membuktikan samahah agama islam berbanding agama-agama lain.

Kelapan: Tawazun @ tidak ghuluw dan tafrit.

Yang dimaksudkan dengan tawazun ialah: Pemikiran yang sederhana antara dua perkara yang saling bertembung. Atau bukan acuh tidak acuh dan bukan juga melampau. Tawazun ini juga adalah kata lain bagi istilah wasotiyyah. Al-quran datang dengan membawa ancaman (Nazir) dan membawa bersamanya janji-janji manis (Basyir).

وقال تعالى: ((إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَإِنْ مِنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ)) - فاطر الآية رقم 24-

"Sesungguhnya kami utuskan kamu dengan kebenaran sebagai pemberi khabar gembira dan peringatan, dan tiadalah satu umat yang sunyi daripada mendapat peringatan daripadanya". Berkata imam ibnu kathir iaitu menjadi pemberi khabar kepada orang-orang mukmin dan menjadi peringatan kepada orang-orang kafir.

قال تعالى: ((يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ)) - النساء الآية رقم 171-

"Wahai ahli kitab janganlah kalian ghuluw dalam agama kalian dan janganlah berkata terhadap Allah melainkan sesuatu yang benar".

Melampaunya kelompok Kristian sehingga mereka ini menjadikan isa sebagai salah satu tuhan, menyatakan bahawa Isa ini adalah anak tuhan. Maha suci Allah daripada pendustaan mereka.

Kesembilan: kemantapan ilmu dan amal.

Sebab itulah agama yg mulia ini sentiasa mengutamakan ilmu, ayat pertama turun kepada nabi adalah perintah supaya membaca yang ianya merupakan salah satu wasilah ilmu. Allah membuat perbandingan antara orang yang berilmu dan jahil dalam quran "Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak tahu", "Hanyasanya yang takutkan Allah itu adalah para ulama", "Allah mengangkat kedudukan orang beriman dikalangan kamu dan orang yang berilmu itu dengan beberapa darajat" (Mujadilah).

²⁴ رواه النسائي، (5034)، 8/121.

«مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا مِنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا لِطَالِبِ الْعِلْمِ، وَإِنَّ الْعَالِمَ لَيَسْتَغْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ، وَمَنْ فِي الْأَرْضِ، وَالْحَيَّاتَانِ فِي جَوْفِ الْمَاءِ، وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ، كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا، وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ»²⁵.

"...dan kelebihan orang berilmu berbanding ahli ibadah seumpama lebihnya bulan mengambang berbanding semua bintang-bintang, sesungguhnya para ulama adalah pewaris nabi".

Kemudian kemantapan ilmu yang akan memelihara pemiliknya daripada kesesatan, ketaksuban, kemelampauan dan sebagainya tidak akan sempurna tanpa pengamalan daripada pemiliknya. Supaya dia mampu menjadi qudwah dan ikutan terbaik buat orang awam. Allah mempersoalkan kelompok berilmu yang hanya bijak berdakwah dan berbicara: "Wahai orang beriman, kenapakah kamu bercakap sesuatu sedangkan engkau tidak mengamalkannya" (surah al-ankabut).

Dalam surah al-baqarah Allah mengkritik ahlul kitab: "Adakah engkau menyuruh manusia supaya melakukan kebaikan sedangkan engkau sendiri melupakannya (tidak melakukannya) sedangkan engkau membaca al-kitab?" (surah al-Baqarah).

Kesepuluh: Taawun (kerjasama) dalam melaksanakan kebaikan.

Ini merupakan salah satu asas yang dilupakan, sedangkan ianya merupakan perintah Allah. "Hendaklah kalian semua berkerjasama dalam melakukan kebaikan dan ketakwaan dan takutlah kalian semua kepada Allah" (surah al-Maidah).

Seorang pendakwah sukar untuk berjaya jika berdakwah seorang diri tanpa kerjasama daripada pihak lain. Seorang pendidik juga memerlukan kerjasama dengan para pendidik yang lain supaya uslub Pendidikan, silibus dan semua masalah pelajar dapat diselesaikan dengan jayanya. Seorang pemimpin memerlukan kerjasama daripada rakyat yang dipimpin supaya negara dapat diuruskan dengan baik dan berjaya. Maka semua kepakaran perlu dikongsikan supaya tercapai matlamat memperkasakan syariat dan tuntutan Allah seterusnya menjadi sebuah negara yang baik dan mendapat keampunan Allah.

Syarat kerjasama ini mestilah dalam perkara yang makruf (baik), adapun jika bekerjasama dalam melakukan kemungkaran maka itu adalah dosa besar dan termasuk dalam salah ciri orang yang munafik seperti dijelaskan Allah dalam al-Quran:

قال تعالى: ((الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ))-التوبة الآية رقم (67)-.

"orang- orang munafik lelaki dan perempuan, sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain saling menyeru kepada kemungkaran dan mencegah daripada melakukan kebaikan, dan mereka pula menggenggam tangannya (bakhil), mereka juga telah

²⁵ رواه أبي داود في السنن، (3641)، 3/317.

melupakan (tidak hiraukan perintah) Allah juga melupakan mereka, sesungguhnya orang-orang munafik itu adalah orang yang fasik".

Penutup

Semoga penjelasan ringkas dalam masa yang terhad ini dapat merungkaikan serba sedikit manhaj wasotiyah yang sepatutnya kita fahami dan amalkan dalam kita beragama, bernegara dan memakmurkan alam ini dengan segala perintah-perintah Allah dan rasul.

Didoakan juga semoga keharmonian dan sikap kerjasama antara para pendakwah, ulama, ahli politik, cendakawan, pemimpin dan umat islam di Malaysia akan terus berkembang baik selari dengan tuntutan agama agar kita saling bantu membantu dan hormat menghormati, saling berkasih sayang sesama muslim dan keras terhadap orang kafir yang angkuh lagi sombong. Segala taufiq adalah milik Allah, dan saya bermohon keampunan atas segala kesilapan. Selawat dan salam ke atas nabi Muhammad, ahli keluarganya dan seluruh para sahabat baginda.